

Kempen Auto Labur (“Kempen”)

A. Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Objektif Kempen ini dijalankan adalah untuk menggalakkan pemegang unit ASNB:
 - 2.1 melabur secara konsisten dengan menetapkan pelaburan automatik pada setiap bulan melalui perkhidmatan Auto Labur di platform myASNB (“Auto Labur”); dan
 - 2.2 untuk menambahkan nilai pelaburan Auto Labur sedia ada.
3. Kempen ini bermula pada jam 00:00 (GMT +8) 9^{hb} September 2024 sehingga jam 23:59 (GMT +8) 31^{hb} Disember 2024 (“Tempoh Kempen”).
4. ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakanya.
5. Kelayakan:
 - 5.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit tabung unit amanah ASNB baharu dan sedia ada, termasuklah semua kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) (“PNB”) yang telah melaksanakan mana-mana perkara berikut sepanjang Tempoh Kempen:
 - (i) **mengaktifkan perkhidmatan Auto Labur** bagi akaun sendiri / akaun anak-anak (Akaun Bijak/Remaja) / akaun pihak ketiga; atau
 - (ii) **menambah nilai pelaburan** bagi pelaburan secara Auto Labur sedia ada bagi akaun sendiri / akaun anak-anak (Akaun Bijak/Remaja) / akaun pihak ketiga.
 - 5.2 Perkhidmatan Auto Labur boleh dilaksanakan bagi tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB seperti berikut:

Tabung Unit Amanah Harga Tetap

- (i) Amanah Saham Bumiputera (ASB);
- (ii) Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2);
- (iii) Amanah Saham Malaysia 2 -Wawasan (ASM 2 Wawasan)*;
- (iv) Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)*;

* Untuk Unit Bumiputera sahaja

Tabung Unit Amanah Harga Berubah

- (v) Amanah Saham Nasional Equity 2;
- (vi) Amanah Saham Nasional Equity 3;
- (vii) Amanah Saham Nasional Equity 5;
- (viii) Amanah Saham Nasional Equity Global;
- (ix) Amanah Saham Nasional Imbang 1;
- (x) Amanah Saham Nasional Imbang 2;
- (xi) Amanah Saham Nasional Imbang 3 Global;
- (xii) Amanah Saham Nasional Sara 1;
- (xiii) Amanah Saham Nasional Sara 2; dan
- (xiv) Amanah Saham Nasional Sukuk,

(secara kolektif, “Tabung Unit Amanah”).

5.3 Peserta perlu memasukkan kod rujukan **“AUTOLABUR”** di platform myASNB semasa mengaktifkan perkhidmatan Auto Labur atau menambah nilai pelaburan Auto Labur sedia ada sepanjang Tempoh Kempen.

Skrin bagi pengaktifan perkhidmatan Auto Labur beserta kod rujukan

<

Auto Labur



Amanah Saham Bumiputera



Jadualkan Auto Labur
Deposit wang secara berkala untuk meningkatkan potensi keuntungan

Jumlah

RM300 >

Pilih Tarikh Potongan (Bulanan)

2hb

25hb

28hb

Kod Rujukan

AUTOLABUR

Jadualkan Auto Labur

Skrin bagi penambahan nilai pelaburan Auto Labur sedia ada beserta kod rujukan

<

Urus Auto Labur



Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan

Tarikh potongan

Jumlah

28hb setiap bulan

RM120

Akaun bank

Maybank2U *****7823

Urus niaga masa lalu

Lihat Lebih Lanjut

29 AUG 2024, 12:12 AM

RM120.00

28 JUL 2024, 10:40 PM

RM120.00

28 JUN 2024, 11:38 PM

RM120.00

Padam

Ubah



Jadualkan Auto Labur
Deposit wang secara berkala untuk meningkatkan potensi keuntungan

Jumlah

RM400 >

Pilih Tarikh Potongan (Bulanan)

2hb

25hb

28hb

Kod Rujukan

AUTOLABUR

Jadualkan Auto Labur

5.4 Kategori (A): Hadiah Bulanan Bagi Pengaktifan Baru Auto Labur dan Penambahan Nilai Pelaburan Auto Labur sedia ada beserta kod rujukan (“Kategori (A)”)

- (i) Jumlah peserta yang layak untuk mendapatkan hadiah bagi Kategori A ini adalah seperti berikut:

Platform	Tempoh bagi dua (2) transaksi Auto Labur yang berjaya	Nilai pelaburan Auto Labur (RM)	Jumlah pemenang	Unit percuma bernilai
myASNB	<u>Kumpulan 1:</u> 9 September 2024 sehingga 30 Oktober 2024	100 - 199	500 peserta pertama	RM10
		200 - 499	200 peserta pertama	RM25
		500 dan ke atas	100 peserta pertama	RM50
	<u>Kumpulan 2:</u> 1 Oktober 2024 sehingga 30 November 2024	100 - 199	500 peserta pertama	RM10
		200 - 499	200 peserta pertama	RM25
		500 dan ke atas	100 peserta pertama	RM50
	<u>Kumpulan 3:</u> 1 November 2024 sehingga 31 Disember 2024	100 - 199	500 peserta pertama	RM10
		200 - 499	200 peserta pertama	RM25
		500 dan ke atas	100 peserta pertama	RM50

- (ii) Hadiah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun tabung unit amanah pemenang yang layak dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas tarikh akhir bagi setiap kumpulan. Hadiah tersebut tidak boleh ditukar kepada wang tunai.
- (iii) Peserta juga layak untuk menyertai semua kumpulan Kategori A ini, tertakluk kepada jumlah pemenang bagi setiap kumpulan.

5.5 Kategori (B): Hadiah Bonus Bagi Pendaftaran Baru Akaun Tabung Unit Amanah Beserta Pengaktifan Auto Labur (“Kategori (B)”)

- (i) Bagi peserta yang membuat pendaftaran baru dengan membuka akaun mana-mana Tabung Unit Amanah secara dalam talian (e-KYC) atau di mana-mana cawangan ASNB/ejen berdaftar dan seterusnya mengaktifkan Perkhidmatan Auto Labur beserta kod rujukan, sepanjang Tempoh Kempen layak untuk mendapat hadiah bonus seperti berikut:

Jumlah pemegang unit baru	Hadiah Bonus
Lima ratus (500) orang peserta pertama setiap bulan, yang berdaftar sebagai pemegang unit baru dan mengaktifkan Auto Labur berserta kod rujukan sepanjang Tempoh Kempen	Unit percuma bernilai RM10

- (ii) Hadiah bonus akan dikreditkan ke akaun Tabung Unit Amanah pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum Wilayah Persekutuan) selepas tarikh akhir bagi setiap kumpulan. Hadiah bonus tersebut tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

B. Lain-lain Terma dan Syarat

1. Setiap peserta bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, peserta membenarkan dan mengizinkan ASNB untuk:
 - 1.1 mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan segala maklumat dan butiran peribadi peserta yang telah diberikan kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuklah gambar peserta dan/atau pemenang, jika ada, (“Data Peribadi”) selaras dengan polisi privasi ASNB seperti yang dinyatakan dalam laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan
 - 1.2 menzahir dan berkongsi Data Peribadi di kalangan kumpulan syarikat, ejen yang diberi kuasa dan pembekal perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi tersebut secara sulit) bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan serta perkhidmatan berkaitan yang lain dan bagi tujuan lain menurut

peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.

2. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat mana yang diperuntukkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, Tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen ini atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan peserta dalam Kempen ini.
7. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk dengan sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
8. Sebarang keputusan oleh ASNB bagi senarai pemenang Kempen ini yang layak menerima hadiah dan/atau hadiah bonus adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.

9. Sekiranya pemenang bagi Kempen ini tidak memberi maklum balas/gagal dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, pihak ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
10. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya.
11. Penyertaan dalam Kempen ini adalah tidak tertakluk kepada hadiah yang tersedia untuk peserta melalui aktiviti di lapangan, sekiranya ada.
12. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
13. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara dua (2) versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.